

# PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR

**eNEWSLETTER**

EDISI APRIL 2021



BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR  
Student Affairs Division

**EDITOR**

**PUAN HAWA BINTI OMAR**

**PENULIS**

**HARESSA HARYANI BINTI HAZMAN**



pheputhm



hep.uthm.edu.my




heputhm

01 - 03 April

**KURSUS PEMANTAPAN KEPIMPINAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR SESI 2020/2021**

Kursus Pemantapan Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2020/2021 ini telah diadakan di Mersing Beach Resort, Mersing, Johor selama 3 hari 2 malam. Kursus ini melibatkan kesemua ahli Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2020/2021 yang baru dilantik. Kursus ini bertujuan untuk menerapkan kualiti kepimpinan yang baik agar mereka dapat meneraju Majlis Perwakilan Pelajar dengan jayanya. Turut hadir ialah YBrs. Prof. Madya Dr. Lokman Hakim bin Ismail, Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dan YBrs. Puan Hawa binti Omar, Pengarah Pejabat Hal Ehwal Pelajar (PHEP). Semoga semua aktiviti yang telah berlangsung memberi manfaat kepada semua peserta.

07 April

**TEMUBUAL SABIL AL-HIKMAH SEMESTER II SESI 2020/2021**

Temubual Sabil Al-Hikmah Semester II Sesi 2020/2021 telah berlangsung secara dalam talian, yang diketuai oleh Puan Suhailah Muhammad Philip, Ketua Bahagian Kebajikan dan Kesejahteraan Pelajar, Pejabat Hal Ehwal Pelajar. Turut serta sebagai panel temubual adalah Tuan Hj. Baharudin Yaman dan Majlis Perwakilan Pelajar. Tahniat kepada yang berjaya. Semoga ianya dapat membantu meringankan beban pelajar yang memerlukan. Program Sabil Al-Hikmah menawarkan kupon makan tengah hari kepada pelajar yang berkeperluan sepanjang semester pengajian. Terima kasih diucapkan kepada para penyumbang Sabil Al-Hikmah. Semoga sentiasa dimurahkan rezeki dan dilimpahi rahmat olehNya.

10 April

## PROGRAM MALAYSIA PRIHATIN DAN MAJLIS PERASMIAN PENUTUP KEJOHANAN E-SPORTS TERBUKA IPT JOHOR 2021

Bersempena dengan program Malaysia Prihatin anjuran Pusat Sukan Universiti dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Tinggi, telah berlangsung sesi penyampaian Bantuan UTHM Prihatin yang berupa komputer riba kepada lima pelajar B40 UTHM, yang telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia. Hadir bersama ialah YBhg. Datuk Seri Dr. Mazlan bin Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT), YBhg. Dr. Mohd Zabri bin Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPT, YBhg. Prof. Dato' Dr. Husaini bin Omar, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi KPT, YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Wahid bin Razzaly, Naib Canselor UTHM, YBhg. Dato' Dr. Mohd Padzil bin Hashim Ahli Lembaga Pengarah UTHM, Timbalan-Timbalan Naib Canselor UTHM serta pegawai-pegawai kanan KPT dan agensi persekutuan, pegawai-pegawai kanan Universiti dan ketua-ketua jabatan daerah Batu Pahat.

Adalah diharapkan agar bantuan ini dapat melancarkan sesi pembelajaran pelajar secara norma baharu dan seterusnya menjadi motivasi untuk pelajar mencapai kejayaan yang cemerlang. Edaran bantuan komputer riba akan dilaksanakan secara berfasa kepada pelajar B40 bersasar.



## 12 April TAZKIRAH RAMADAN AL-MUBARAK 1442H

Tazkirah ringkas sempena menyambut Ramadhan Al-Mubarak 1442H telah disampaikan oleh Ustaz Hj. Baharudin Yaman @ Abd. Ghani, Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan, Pejabat Hal Ehwal Pelajar. Intipati tazkirah adalah mengenai perkara-perkara yang membatalkan puasa dan datangnya malam Lailatulqadar. Semoga Ramadhan kali ini lebih baik dari yang sebelumnya, insyallah.



## 12 April SAMBUTAN ULANG TAHUN KELAHIRAN

Selamat Ulang Tahun Kelahiran kepada staf Pejabat Hal Ehwal Pelajar iaitu Puan Umi Nadzirah Ab. Majid dan Encik Ahmad Zhafri Abd. Hamid pada April 2021. Semoga dipanjangkan umur, dimurahkan rezeki dan sihat walafiat.



## 14 April TAKLIMAT SESI BIDAAN FASA 2/2021 TAHUN 2021



Taklimat Sesi Bidaan Fasa 2/2021 Tahun 2021 kepada semua Pengerusi Kelab/Persatuan dan Majlis Kepimpinan Pelajar Kolej-Kolej Kediaman ini telah dipengerusikan oleh Puan Hawa binti Omar, Pengarah Pejabat Hal Ehwal Pelajar (PHEP).

Terima kasih juga diucapkan kepada Prof. Madya Ts. Dr. Hatijah Basri, Pengarah Pusat Pembangunan Pelajar, Dr. Nor Shaylinda Mohd. Zin, Ketua Jabatan (Pengurusan dan Kejuruteraan Lestari), Pejabat Kampus Lestari dan Saudara Mohammad Syakir Noor Sham, Exco Pembangunan Pelajar, Majlis Perwakilan Pelajar di atas kesudian menyampaikan taklimat. Semoga bermanfaat kepada semua peserta.


15 April

**EDARAN KUPON MAKANAN PERCUMA SEMPERNA PROGRAM SABIL AL-HIKMAH KEPADA PELAJAR B40 BERSASAR SEMESTER II SESI 2020/2021**

Pemberian bantuan kebajikan pelajar menerusi program Sabil Al-Hikmah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) diteruskan lagi melibatkan seramai 106 pelajar yang sedang mengikuti pengajian Semester II Sesi 2020/2021, di kolej-kolej kediaman di UTHM Kampus Induk Parit Raja dan Kampus Cawangan Pagoh.

*Soft-launching* Program Sabil Al-Hikmah bagi edaran kupon makan tengah hari atau makan malam telah disempurnakan oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Lokman Hakim bin Ismail, Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar dan Alumni) di Kolej Kediaman Tun Fatimah (KKTF), Kampus Induk Parit Raja. Turut hadir adalah Puan Hawa binti Omar, Pengarah Pejabat Hal Ehwat Pelajar (PHEP), Puan Noreina Kepal @Nasir, Pengetua KKTF, Pegawai PHEP, Felo KKTF dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Untuk makluman, bantuan Sabil Al-Hikmah kali ini telah bermula pada 11 April 2021 secara serentak di lapan buah kolej kediaman Universiti dan akan berakhir pada 31 Julai 2021.



**16 - 17 April LEADER EXPLORATION AND DEVELOPMENT (LEAD) 2021**


Program Leader Exploration and Development (LEAD) 2021 ini merupakan kesinambungan kepada program Seminar Pengurusan Organisasi (SPO) bersama 75 pengerusi dan ahli-ahli Majlis Tertinggi kelab/persatuan dan badan organisasi pelajar UTHM. Program yang berlangsung selama dua hari ini menyediakan empat slot iaitu slot Sistem Bidaan Aktiviti Pelajar, Pengurusan Aktiviti Pelajar, Pengurusan Kewangan & Penjanaan Pendapatan dan Protokol & Etika Pengurusan Majlis Rasmi. Semoga program LEAD 2021 ini memberi bermanfaat dan dapat membantu pemimpin pelajar, kelab/persatuan untuk mengurus serta mentadbir semua aktiviti sebaik mungkin untuk mencapai objektif yang disasarkan, dengan mengamalkan prinsip-prinsip dan amalan terbaik pengurusan. Terima kasih kepada semua pihak Urusetia yang telah membantu, khususnya Unit Sahsiah dan Aktiviti Pelajar, Bahagian Kepimpinan dan Sahsiah Pelajar, PHEP dan Exco Pembangunan Pelajar, MPP.

**19 April****EDARAN BUBUR LAMBUK SUMBANGAN YAYASAN RAJA ZARITH SOFIAH**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menerima sejumlah 400 pek bubur lambuk menerusi program khidmat masyarakat Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor.

Penyerahan bubur lambuk kepada universiti telah dibuat melalui En. Abd. Aziz Hashim dari Pejabat Hal Ehwat Pelajar dan Majlis Perwakilan Pelajar di Dewan Serbaguna Flat Larkin, Johor Bahru. Sebanyak 400 pek bubur lambuk telah diagihkan kepada pelajar UTHM yang berada di kolej-kolej kediaman di kampus induk Parit Raja, kampus cawangan Pagoh dan rumah sewa sekitar UTHM.

Ucapan penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada pihak yayasan atas sumbangan yang diberikan. Semoga mendapat ganjaran pahala dan keberkatan dalam bulan Ramadan yang mulia ini.





27 April

**TAKLIMAT SESI BIDAAN FASA 2/2021 TAHUN 2021**

Taklimat bagi Bidaan Aktiviti Pelajar Fasa 2/2021 kepada semua ketua dan panel penilai telah dilaksanakan bagi permohonan aktiviti pelajar mulai Julai hingga November 2021. Sesi ini telah dipengerusikan oleh Pengarah Pejabat Hal Ehwal Pelajar (PHEP) YBrs. Puan Hawa Omar dengan disertai oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) HEPA, Ketua Jabatan HEPA dan Majlis Perwakilan Pelajar, selaku panel penilai yang telah dilantik.

Sesi taklimat telah dibahagikan kepada lima slot seperti berikut:

- Slot 1 - Garis Panduan Permohonan Aktiviti Pelajar dan Jadual Kerja Penilaian oleh YBrs. Puan Hawa Omar, Pengarah Pejabat Hal Ehwal Pelajar
- Slot 2 - Teras Aktiviti Anugerah Tokoh Siswa oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Hatijah Basri, Pengarah Pusat Pembangunan Pelajar
- Slot 3 - Teras Aktiviti Kelestarian Kampus oleh YBrs. Dr. Nor Shaylinda Mohd. Zin, Ketua Jabatan (Pengurusan dan Pembangunan Lestari), Pejabat Kampus Lestari
- Slot 4 - Teras Aktiviti Penyelidikan oleh YBrs. Prof. Madya Ts. Ir. Dr. Shahiron Sahidan, Timbalan Pengarah (Strategik dan Pembangunan), Pusat Pengurusan Penyelidikan
- Slot 5 - Sistem Bidaan : Google Form dan Google Classroom oleh Saudara Mohammad Syakir Noor Sham, Ketua Exco Pembangunan Pelajar, Majlis Perwakilan Pelajar.

Ucapan terima kasih kepada YBrs. Tuan/Puan/Saudara di atas kesudian menyampaikan taklimat. Juga terima kasih kepada semua panel yang turut serta. Semoga bermanfaat dan dipermudahkan urusan.



**HEP**



[heputhm](#)



[hep.uthm.edu.my](http://hep.uthm.edu.my)



[pheputhm](#)

**Pejabat Hal Ehwal Pelajar,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,  
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor**